AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 31
RUANGAN : NASIONAL

# 5,667 premis dikesan biak jentik-jentik

**TANAH MERAH** - Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) mengesan 5,667 daripada 154,640 premis atau rumah kediaman di negeri itu mempunyai 'sarang' pembiakan jentik-jentik.

Pengarah JKNK, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, ia mendorong kepada peningkatan kes denggi tahun ini bermula Januari hingga Ogos apabila mencatat peningkatan sebanyak 252.21 peratus berbanding tahun lalu.

"Tahun lepas tempoh yang sama (Januari-Ogos) hanya 140 kes sahaja dikesan tetapi tahun ini merekodkan 513 kes iaitu mengalami peningkatan sebanyak 373 kes.

"Terdapat dua kes kematian denggi dicatatkan tahun ini dan bagi tempoh yang sama, tiada kes kematian tahun lalu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sunathon Amal Alor Pasir 2022 di Masjid Al-Mustaqim Alor Pasir di sini pada Sabtu.

Program yang disertai oleh seramai 70 kanak-kanak lelaki itu dianjurkan bersama Masjid Al-Mustaqim Alor Pasir dan gabungan badan bukan kerajaan (NGO) Kelantan.

Beliau berkata, terdapat lima wabak denggi aktif di seluruh negeri Kelantan iaitu Taman Sri Machang (Ketereh), Pantai Sabak 2 (Sering), Cherang 2 (Panji), Taman Kurnia Jaya 2 dan Taman Kurnia Jaya 1 (Kemumin).

Tahun ini sebanyak 26 wabak denggi telah dilaporkan berbanding hanya enam bagi tempoh sama tahun lalu.

Sehubungan itu, JKNK telah mengeluarkan 1,087 kompaun dengan nilai RM543,500 di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSPP) 1975.



Zaini (dua dari kiri) menyembur air ke arah kanak-kanak yang akan berkhatan pada Sunathon Amal Alor Pasir 2022 di Masjid Al-Mustaqim Alor Pasir, Tanah Merah pada Sabtu.

**AKHBAR : NEW SUNDAR TIMES**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NEWS/NATION**

3 BROUGHT IN DEAD

# Nation logs 2,328 new Covid-19 cases and 9 deaths on Friday

**KUALA LUMPUR:** Malaysia reported another 2,328 new Covid-19 cases on Friday, bringing the tally to 4,787,308.

According to data from the Health Ministry's CovidNow portal, of the new cases, 2,325 were local transmissions and three were imported.

Selangor topped the list with 715 new cases, followed by Kuala Lumpur with 415. Sabah reported 205 cases, 175 in Perak, 140 in Sarawak, 125 in Negri Sembilan, 109 in Melaka, 87 in Kedah, 76 in Kelantan, 75 in Penang, 66 in Johor, 55 in Pahang, 36 in Putrajaya and 34 in Terengganu. Perlis and Labuan reported nine and six new cases, respectively.

Nine deaths were reported on Friday, including three brought-in-dead, pushing the cumulative death toll to 36,234. The deaths were reported in Johor, Melaka, Negri Sembilan, Penang, Sabah, Sarawak and Selangor.

The ministry also reported another 2,618 recoveries on the same day.

As of Friday, the number of Covid-19 active cases nationwide stood at 31,164.

Of the total, 29,761 individuals, were placed under home quarantine, 1,305 patients were hospitalised with 44 being ventilated and treated in intensive care units (ICU) and another 35 not ventilated.

The remaining 19 patients were placed at Covid-19 quarantine and treatment centres (PKRC).

The utilisation rate of hospital beds nationwide for Covid-19 treatment purposes stood at 68.8 per cent, followed by ICU at 63.9 per cent, 39.1 per cent for ventilators and 24.8 per cent for PKRCs.

Meanwhile, 1,529,279 children aged 5 to 11 have been fully vaccinated under the Covid-19 National Immunisation Programme for Children.

As for adolescents aged 12 to 17, 2,873,883 had received two doses and 2,949,890 received at least one dose of the vaccine.

As for the adults aged 18 and above, 470,696 had received their second booster dose as of Friday.



*People wearing face masks crossing a street in Kuala Lumpur.* FILE PIC